

29 AUG 1996
Anwar-Perunding (Bergambar)
KABINET LANTIK JURURUNDING BRITAIN AWASI TNB

KOTA KINABALU, 29 Ogos (Bernama) -- Kerajaan melantik syarikat jururunding dari Britain, National Grid Group untuk mengawasi Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memastikan gangguan elektrik seperti yang berlaku 3 Ogos lepas tidak berulang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan hari ini bahawa keputusan melantik syarikat itu dibuat pada mesyuarat Kabinet di ibu negara semalam.

"Keputusan itu diharapkan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi selama ini hingga menyebabkan gangguan elektrik (di seluruh Semenanjung) baru-baru ini," katanya semasa merasmikan Loji Janakuasa Powertron di Kampung Malawa di Teluk Sepangar, 24 km dari sini.

Menurut Anwar, masalah mengenai elektrik yang dihadapi termasuk di Sabah sekarang bukannya berkaitan dengan bekalan tenaga tetapi kaedah pengedarannya.

Jururunding Britain itu juga sebelum ini dilantik kerajaan berikutan gangguan bekalan elektrik yang berlaku pada September 1992.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Anwar berkata butiran lanjut berhubung perlantikan syarikat itu akan dikendalikan Bahagian Kontrak di Perbendaharaan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Mengenai masalah bekalan elektrik di Sabah, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata beliau meminta kerajaan negeri Sabah di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee segera berbincang dengan kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah bekalan elektrik yang sering terputus di negeri ini.

"Saya sedar di Sabah masalah ini merupakan masalah yang besar hingga menyebabkan Sabah ketinggalan daripada segi pembangunan," katanya.

Menurutnya, kerajaan Persekutuan menyedari masalah itu dan berusaha memastikan lebih banyak elektrik dapat dibekalkan ke kawasan bandar dan desa.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengeluarkan arahan agar masalah gangguan bekalan elektrik yang kerap di negara ini termasuk di Sabah segera diatasi.

Loji janakuasa Powertron yang berupaya menjana 120 megawatt dan terletak di atas tapak seluas 7.5 hektar, diuruskan oleh Powertron Resources Sdn Bhd, sebuah syarikat konsortium tempatan.

Loji bernilai RM330 juta itu mempunyai empat turbin dan merupakan stesen janakuasa pertama di Sabah yang menggunakan kuasa gas. Ia dijangka siap November tahun depan.

Bekalan elektrik yang dijana dari loji itu akan disambung ke grid utama Lembaga Elektrik Sabah (LLS) dan dijangka menjadi bekalan utama tenaga kepada Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) yang sedang dibangunkan di Sepangar.

Dalam ucapannya Anwar juga berkata politik adu-domba di Sabah harus dihentikan bagi memastikan semua golongan rakyat tanpa mengira keturunan dan agama mendapat pembelaan sewajarnya dari kerajaan.

Katanya kerajaan pusat tidak mahu mendengar ada kawasan atau golongan di negeri itu dipinggirkan atau merasa terpinggir daripada arus pembangunan pesat yang sedang mula melanda Sabah.

Beliau juga berkata rakyat Sabah tidak harus bersikap takut terhadap kehadiran rakyat dari negeri lain kerana kemajuan yang dicapai di negeri-negeri di Semenanjung selama ini adalah atas kesediaan menerima

"orang luar" melabur di negeri masing-masing.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Yong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat dan ketiga-tiga timbalan ketua menteri Datuk Ghapur Salleh, Datuk Tham Nyip Shen dan Datuk Joseph Kurup. -- BERNAMA

KG NMO